

POMM 'BY-LAWS' 2023

1. Keahlian

- 1.1 Permohonan untuk menjadi Ahli Gabungan POMM mestilah oleh Persatuan Olahraga Master peringkat Negeri yang aktif, mempromosikan sukan olahraga master di peringkat negeri dan telah mendaftar di bawah Pesuruhjaya Sukan. Hanya satu Persatuan Olahraga Master peringkat Negeri sahaja boleh menjadi Ahli Gabungan sesuatu Negeri.
- 1.2 Setiap Persatuan Olahraga Master Negeri yang menjadi Ahli Gabungan dengan POMM mesti menyerahkan satu Salinan Perlembagaan Persatuan kepada POMM.
- 1.3 Setiap Persatuan Olahraga Master Negeri mesti mengadakan Mesyuarat Agung mengikut perlumbagaan dan menghantar semua maklumat yang kena beri (MYKB) kepada Pesuruhjaya Sukan selepas Mesyuarat Agung diadakan, dan satu salinan laporan Mesyuarat Agung kepada POMM.
- 1.4 Segala komunikasi Persatuan Olahraga Master Negeri dengan POMM mestilah oleh Presiden / Setiausaha atau AJK Pengurusan Persatuan yang telah diiktiraf oleh Persatuan masing-masing.

2. Penyertaan dalam kejohanan


- 2.1 Untuk menyertai dalam Kejohanan-kejohanan Olahraga Master Luar negara , atlet master mestilah menjadi ahli dalam Persatuan Olahraga Master Negeri yang menjadi Ahli Gabungan POMM atau pun yang sudah menjadi Ahli Seumur Hidup. Ini adalah untuk menggalakkan atlet master menjadi ahli dalam Persatuan-Persatuan Olahraga Master Negeri yang sah (Ahli Gabungan POMM).

2.2 Kejohanan Olahraga Masters Peringkat Asia (AMA) dan Dunia (WMA)

2.2.1 POMM akan menguruskan penyertaan atlet master negara ke kejohanan-kejohanan yang diiktiraf oleh WMA dan AMA iaitu: Kejohanan Olahraga Master Dunia dan Kejohanan Olahraga Master Asia. Atlet master yang ingin mengambil bahagian dalam Kejohanan tersebut di atas, mestilah menjadi ahli dalam Persatuan Olahraga Master Negeri yang menjadi Ahli Gabungan POMM, atau pun yang sudah menjadi Ahli Seumur Hidup.

2.2.2 Penyertaan dalam kejohanan-kejohanan tersebut di atas mestilah melalui POMM. Tanpa pengesahan POMM penyertaan tidak akan diterima oleh pihak Pengelola.

2.2.3 Hanya atlet-atlet master yang menjadi ahli POMM atau Persatuan Olahraga Master Negeri (Ahli Gabungan POMM) yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia dalam 2 tahun sebelum tarikh Kejohanan peringkat dunia atau Asia, layak untuk menerima insentif seperti baju T dsbnya daripada POMM (jika ada disediakan), mengikut keadaan semasa dan mengikut pingat-pingat yang dimenangi dalam kejohanan dalaman, untuk penyertaan dalam Kejohanan Olahraga Master Asia dan Dunia.


SM. (B) BALAN PACHIAPPAN
Setiausaha Kht
Persatuan Olahraga Master Malaysia


S. SIVAPRAGASAM, A.M.W.
President
Malaysian Masters Athletic Association¹
29, SS 3/49, Petaling Jaya,
47300 Selangor D.E, Malaysia

- 2.2.4 JK Induk Persatuan berhak untuk menentukan kriteria untuk atlet master menerima insentif daripada POMM untuk menyertai dalam kejohanan-kejohanan olahraga master.
- 2.3 POMM tidak akan menghalang mana-mana ahli POMM atau Persatuan Olahraga Master Negeri (Ahli Gabungan POMM) daripada menyertai dalam kejohanan-kejohanan jemputan kecuali atas sebab-sebab yang menyalahi dari segi undang/perlembagaan / Etika sukan negara
- 2.4 Atlet-atlet master atau Ahli Gabungan POMM yang ingin menyertai dalam kejohanan-kejohanan olahraga master jemputan luar negara mestilah menghantar senarai nama peserta dan maklumat penyertaan kepada POMM sebelum mendaftar kepada pengajur.
- 2.5 Jika perlu, POMM akan melantik pengurus pasukan untuk mengurus atlet-atlet master ke Kejohanan-kejohanan Jemputan luar negara.
- 2.6 POMM sentiasa memberi sokongan dan galakkan kepada semua ahli master untuk menyertai dalam kejohanan-kejohanan olahraga master yang diiktiraf oleh badan-badan sukan masters..
- 2.7 Maklumat terkini berkenaan dengan penyertaan akan dikemaskini dari masa ke masa oleh JK Induk POMM.
- 2.8 Tidak ada pemilihan atlet master yang dibuat oleh POMM untuk penyertaan dalam kejohanan-kejohanan tersebut di atas. Sesiapa yang berminat, yang mampu dari segi fizikal, mental, kewangan akan dibenarkan untuk menyertai. Oleh yang demikian, atlet master yang menyertai dalam kejohanan-kejohanan tersebut adalah dianggap sebagai atlet negara yang mengambil bahagian dan bukan sebagai wakil negara yang dipilih.

3.0 Pencalonan

- 3.1 Dalam Mesyuarat Agung Persatuan, deleget-deleget Ahli Gabungan , Ahli JK Induk Persatuan (POMM) dan Ahli Seumur Hidup boleh dicalonkan untuk bertanding. Ahli JK Induk Persatuan (POMM) semasa boleh dicalonkan untuk bertanding oleh JK Induk Persatuan (POMM) atau pun oleh persatuan olahraga master negeri. Ahli JK Induk Persatuan(POMM) tidak termasuk sebagai deleget dari Ahli Gabungan. Mereka hadir sebagai Ahli JK Induk Persatuan (POMM) yang mempunyai hak mengundi dan diundi.

4.0 Pemilihan Ahli JK Induk dan Hak mengundi

- 4.1 Ahli JK Induk POMM dipilih melalui undi 'simple majority' oleh ahli yang hadir Mesyuarat Agung yang layak untuk mengundi iaitu ahli-ahli JK Induk Persatuan (POMM) , Ahli Seumur Hidup dan deleget dari Ahli Gabungan.

5.0 Permohonan menjadi Ahli

- 5.1 Hanya persatuan olahraga master peringkat negeri yang mempromosikan olahraga

SM. (B) BALAN PACHIAPPAN
Setiausaha Kht
Persatuan Olahraga Master Malaysia

S. SIVAPRAGASAM, A.M.W.
President
Malaysian Masters Athletic Association
29, SS 3/49, Petaling Jaya,
47300 Selangor D.E, Malaysia

master sahaja boleh mohon menjadi Ahli Gabungan POMM. Sekiranya sudah ada Ahli Gabungan negeri, maka permohonan baru tidak akan dilayan kecuali atas sebab-sebab yang diputuskan oleh JK Induk Persatuan (POMM).

6.0 Usul

- 6.1 Ahli Seumur Hidup dan Ahli Gabungan yang ingin untuk mencadangkan sebarang pindaan dalam Perlembagaan Persatuan mestilah menghantar kepada Setiausaha Kehormat tujuh (7) hari sebelum Tarikh Mesyuarat Agung. Jika pindaan yang dicadangkan diterima dalam Mesyuarat Agung, ia akan diserahkan kepada Pesuruhjaya untuk kelulusan.

Selepas mendapat kelulusan atau perakuan daripada Pesuruhjaya, barulah ia akan dikuatkuasakan.

7.0 Korum

- 7.1 Korum Mesyuarat Agung adalah 2/3 daripada ahli Mesyuarat iaitu Ahli Seumur Hidup, Deleget dari Ahli Gabungan, dan Ahli JK Induk; atau pun dua kali jumlah AJK Induk, yang mana paling kurang.

8.0 Kekosongan Jawatan

- 8.1 Sekiranya terdapat kekosongan jawatan Ahli JK Induk Persatuan atas sebab-sebab yang telah diperakui oleh JK Induk Persatuan, JK Induk boleh memutuskan untuk melantik seorang Ahli JK Induk baru atau pun berputus untuk tinggalkan jawatan kosong untuk di isi dalam Mesyuarat Agung yang seterusnya.

9.0 Kewangan

- 9.1 JK Induk boleh memutuskan kadar bayaran elauan harian kerja dan elauun menghadiri mesyuarat untuk AJK Induk Persatuan dan para sukarelawan yang hadir dan membantu dalam urusan harian Persatuan dan pengajuran program Persatuan.
- 9.2 Jika mana-mana ahli ingin memohon tajaan untuk menyertai dalam kejohanan olahraga master peingkat Asia dan Dunia, POMM boleh mengeluarkan surat mohon bantuan dengan syarat berikut:
 - 9.2.1 Ahli mesti mohon surat tajaan kepada Setiausaha POMM melalui Persatuan masing-masing .
 - 9.2.2 Ahli mesti memberi nama, jawatan , alamat penuh, dan no. telefon pihak penaja.
 - 9.2.3 Jika ahli tersebut mendapat tajaan dalam bentuk kewangan mestilah dimasukkan dalam Akaun POMM, dan sebanyak 30% daripada tajaan mesti diserahkan kepada POMM.
 - 9.2.4 Surat tajaan secara 'general' tidak akan dikeluarkan.

10.0 Disiplin Ahli, Pegawai dan Pemegang Jawatan.

- 10.1 Mana-mana ahli (Ahli Seumur Hidup dan ahli Persatuan Olahraga Master Negeri atau Persatuan Olahraga Master Negeri), menggunakan nama 'Malaysian Masters', 'Kontingen Malaysia' dan yang berkaitan dengan erti yang sama untuk mendapatkan faedah, keuntungan dan 'publisiti' untuk diri sendiri atau untuk persatunya tanpa kebenaran dari POMM akan dikenakan Tindakan tatatertib.

S.M. (B) BALAJI PACHIAPPAN

Setiausaha Kht

Persatuan Olahraga Master Malaysia

72679

S. SIVAPRAGASAM AMW
President
Malaysian Masters Athletic Association
29, SS 3/49, Petaling Jaya,
47100 Selangor D.E, Malaysia

11.0 Penaung , Presiden Kehormat, dan Penasihat

- 11.1 JK Induk Persatuan boleh melantik Penaung, Presiden Kehormat dan Penasihat Persatuan mengikut keperluan semasa untuk satu tempoh masa yang ditentukan dan boleh menghadiri mesyuarat JK Induk Persatuan. Penaung, Presiden Kehormat dan Penasihat boleh dicalonkan untuk bertanding untuk jawatan Presiden jika layak hadir Mesyuarat Agung sebagai delegat Ahli Gabungan atau menjadi Ahli Seumur Hidup.
- 12.0** Sekiranya terdapat soalan/pertanyaan yang dibangkitkan berkaitan dengan mana-mana fasal perlumbagaan dan 'bye-laws' yang tidak jelas, Ahli JK Induk Persatuan (POMM) berhak untuk menggunakan 'discretion' untuk memberi penjelasan dan keputusan AJK Induk Persatuan adalah muktamad.


S. SIVAPRAGASAM
President
Sivapragasam Athletics Association
President SS 3/49, Petaling Jaya,
47300 Selangor D.E, Malaysia


SM (B) BALAN PACHIAPPAN
Setiausaha Kht
Persatuan Olahraga Master Malaysia
72697

Dibentang dalam Mesyuarat JK Induk (Ahli Majlis Tertinggi POMM) 1/2023
pada 11 Mac 2023.

SM. (B) BALAN PACHIAPPAN
Setiausaha Kht
Persatuan Olahraga Master Malaysia